

Polis rekod RM558,000 kutipan saman sempena AKM Pahang

BERNAMA



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang untuk memeriksa dan menjelaskan bayaran saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada hari terakhir Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Negeri Pahang di pekarangan Stadium Darul Makmur hari ini. FOTO Bernama.

Kuantan: Polis merekodkan lebih RM558,000 kutipan saman trafik dalam tempoh tiga hari bermula Jumaat susulan pelaksanaan tawaran diskaun 50 peratus sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Pahang yang berlangsung di pekarangan Stadium Darul Makmur, di sini.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata 4,825 saman telah dilunaskan oleh orang ramai di kaunter yang dibuka bermula 8 pagi hingga 5 petang sepanjang program itu berlangsung.

"Sebanyak RM264,920 kutipan saman dibayar secara tunai manakala RM293,920 diperoleh secara e-payment," katanya ketika dihubungi Bernama.

Selain diskaun saman polis, AKM yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam turut mengadakan pameran aset milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pemeriksaan kesihatan percuma selain pameran usahawan industri kecil dan sederhana.



ORANG ramai melihat aset pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dipamerkan sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Negeri Pahang. FOTO Bernama.

Bagi Mohd Aizat Syahmi Mohd Ali, 33, beliau tidak melepaskan peluang untuk melunaskan saman bagi kesalahan had laju dan mengangap inisiatif itu meringankan beban orang ramai.

"Di sini orang ramai boleh bayar saman dengan separuh harga bagaimanapun ia tetap memberi pengajaran kepada kita supaya berhemah dalam memandu," katanya.

Pemandu lori Ismahadi Abdul Ghani, 42, berkata. beliau telah melunaskan semua lima saman had laju yang dikeluarkan kepadanya hari ini.

"Saman saya ada yang RM300 dan RM150...daripada kena bayar sampai RM1,000 lebih baik kita datang sini dan bayar separuh harga," katanya yang berharap supaya inisiatif seperti itu akan diteruskan selepas ini.

Penyelia di sebuah syarikat swasta, Hiew Yan Ran, 40, pula berkata proses menyemak dan membayar saman itu dikendalikan dengan pantas selain proses yang mudah sehingga dapat diselesaikan dalam masa lebih kurang 30 minit biarpun ramai yang menunggu giliran.



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat melakukan demonstrasi memadam api. FOTO Bernama.

AKM Pahang yang diterajui Kementerian Pertahanan dengan tema 'Keluarga Malaysia Teras Pertahanan Negara' melabuhkan tirainya hari ini setelah tiga hari berlangsung dengan kehadiran pengunjung direkodkan setakat 2.30 petang tadi sebanyak 105,484 orang.

Disiarkan pada: Oktober 31, 2022 @ 12:01am